



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
01 MEI 2017 (SELASA)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- 3,000 sertai Larian MPAJ 2017 39

Berita Harian

- Banjir, hakisan tanah hantui penduduk Taman Putra Ampang 12-13



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
01 MEI 2017 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	3,000 sertai Larian MPAJ 2017
Muka Surat	39

3,000 sertai Larian MPAJ 2017

24 1/5/17
m/s 39

AMPANG – Seramai 3,000 peserta menyertai Larian Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) 2017 di Taman Melawati, semalam.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, pihaknya dengan kerjasama Sime Darby Property menganjurkan acara itu sebagai tanda terima kasih kepada penduduk setempat bersempena Sambutan Jubli Perak MPAJ pada tahun ini.

“Larian MPAJ 2017 ini juga adalah salah satu inisiatif kerajaan negeri yang mahu menggalakkan masyarakat di negeri menjalani gaya hidup yang sihat,” katanya.

Beliau berkata, objektif larian itu adalah MPAJ mahu menyasarkan aktiviti berkenaan sebagai salah satu kalendar acara sukan tahunan di negeri ini.

“Program seumpama ini dapat membantu meningkatkan imej MPAJ serta menarik minat pelancong ke Selangor sama ada dari dalam dan luar negara,” katanya.

Beliau berkata, program ini juga salah satu acara yang dapat melahirkan bakat baru serta menjadikan ia sebagai hobi berfaedah dalam mengurangkan gejala sosial di Ampang.

“Kita juga mahu menjadikan acara ini sebagai platform untuk orang ramai merapatkan hubungan bersama pihak berkuasa tempatan,” katanya.

Katanya, Larian MPAJ 2017 ini mempunyai dua kategori iaitu 12 kilometer (km) dan lima (km) (Fun Run).

“Bagi larian 12 km, kita menawarkan hadiah untuk tiga kategori iaitu Terbuka Lelaki, Wanita dan Veteran Lelaki dan setiap kategori berpeluang memenangi hadiah wang Tunai RM 500 dan trofi untuk juara.

“Selain daripada itu, sempena sambutan Jubli Perak MPAJ, kita juga menambah hadiah istimewa untuk setiap 500 penyertaan, para peserta itu membawa pulang pelbagai hadiah misteri,” katanya.



Abd Hamid (depan tiga kiri) turut serta dalam Larian MPAJ 2017.




MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 01 MEI 2017 (SELASA)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Banjir, hakisan tanah hantui penduduk Taman Putra Ampang
Muka Surat	12-13

Ms.12 Isnin, 1 Mei 2017 B14

→ HALAMAN KOTA



(FOTO KHAIRULLAZRY BUDIN/BH)



Apabila hujan, longkang tidak dapat menampung jumlah air yang terlampau banyak lalu melimpah dan membanjiri kawasan rumah penduduk

Leong Kok Wee,
Pengerusi Barisan Nasional Bahagian Pandan



Longkang baharu dibina tidak dapat menyelesaikan masalah limpahan air ke rumah penduduk di Taman Putra, Ampang.

Longkang tersumbat yang masih belum dibaiki PBT menyebabkan air melimpah setiap kali hujan lebat.

Banjir, hakisan tanah hantui penduduk Taman Putra Ampang

Oleh Mohd Fharkhan Abdul Chapar
bhnew@bh.com.my

Ampang

Penduduk Taman Putra, di sini, berdepan risiko banjir kilat setiap kali hujan berikutan pengalihan laluan air dari loji kumbahan di kawasan berkenaan yang didakwa memasuki longkang di rumah penduduk dan melimpah kerana tidak dapat menampung jumlah air yang banyak.

Limpahan air yang memasuki rumah penduduk bukan sahaja berlaku sewaktu hujan lebat tetapi juga hujan dengan kadar sederhana.

Mereka mendakwa, masalah bermula apabila pihak berkuasa tempatan (PBT) yang sepatutnya membaiki longkang tersumbat di kawasan itu, sebaliknya membuat longkang baharu yang menyebabkan air dari loji berkenaan mengalir masuk terus ke kawasan perumahan.

Dalam kejadian banjir kilat pada 11 dan 25 April lalu, sekurang-kurangnya 30 rumah di kawasan berkenaan dinaiki air selepas hujan lebat lebat sejam.

Pengerusi Barisan Nasional Bahagian Pandan, Datuk Leong Kok Wee, berkata air dari loji berkenaan sepatutnya mengalir keluar melalui longkang mengahala ke jalan utama iaitu Jalan Taman Putra.

Longkang tersumbat belum dibaiki

"Longkang tersumbat yang sepatutnya dibaiki, tidak dibaiki, sebaliknya dibina pula saliran baharu mengahala ke kawasan rumah penduduk.

"Tumlah air yang keluar dari loji berkenaan sangat banyak dan me-

ADUAN PEMBACA

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke bhnews@bh.com.my



PBT hanya datang meninjau kawasan dan mengambil gambar, namun tiada tindakan untuk memperbaiki laluan bersimen di belakang rumah"

Ben Liew Pok Boon,
Ketua Biro Aduan DUN Teratai



Valli Kannan,
Penduduk

Lubang yang terhasil itu juga menjadi tempat persembunyian haiwan berbisa seperti ular dan biawak"



Kaw Phui Fong (kiri) dan Valli menunjukkan lubang di belakang rumah mereka akibat hakisan di Taman Putra.



Kok Wee (kiri) dan Pok Boon (tengah) bersama penduduk memeriksa rekahan akibat hakisan di belakang rumah penduduk di Taman Putra.

menuhi separuh dari kedalaman longkang. Apabila hujan, longkang tidak dapat menampung jumlah air yang terlampau banyak lalu melimpah dan membanjiri kawasan rumah penduduk," katanya.

Dakwanya, sejak longkang baharu itu dibina, banjir kilat kerap berlaku yang membanjiri rumah penduduk serta kawasan padang permainan kanak-kanak yang berada kira-kira 300 meter dari lokasi loji kumbahan berkenaan.

PBT tak ambil berat aduan penduduk

Dalam perkembangan sama, Kok Wee mendakwa, penduduk juga tidak berpuas hati dengan sikap PBT yang tidak mengambil berat aduan penduduk berhubung masalah hakisan tanah yang berlaku di kawasan perumahan itu sejak dua tahun lalu.

Penduduk mendakwa, hakisan

yang berlaku di sepanjang laluan bersimen di belakang deretan rumah mereka semakin teruk apabila hampir semua bahagian bawah laluan bersimen berkenaan sudah lompong.

Terpaksa baiki sendiri

Sementara itu, Ketua Biro Aduan Dewan Undangan Negeri (DUN) Teratai, Ben Liew Pok Boon, mendakwa PBT hanya datang meninjau kawasan dan mengambil gambar, namun tiada tindakan untuk memperbaiki laluan bersimen di belakang rumah penduduk atau menimbus kawasan yang terhakis.

"Penduduk terpaksa membaiki sendiri kawasan yang terhakis kerana bimbang ia akan menjejaskan struktur rumah selain menancam keselamatan," katanya.

Katanya, kebanyakan penduduk sudah tinggal di kawasan berkenaan lebih dari 20 tahun.

Dua kali bah sepanjang April

Ampang: "Selama 20 tahun saya tinggal di sini tidak pernah berlaku banjir kilat, tetapi sejak longkang baharu dibina, rumah saya sudah beberapa kali dimasuki air," demikian kata seorang penduduk Taman Putra, di sini, yang hanya ingin dikenali sebagai Chia, 62.

Katanya, longkang di hadapan rumahnya kecil serta sempit dan tidak mampu menampung jumlah air yang banyak dari loji kumbahan yang terdapat di kawasan perumahan itu.

Padang jadi kolam bila banjir
"Sejak longkang baharu itu dibina, pada April sahaja, dua kali rumah saya dimasuki air."

"Setiap kali hujan, padang per-

mainan kanak-kanak yang berada kurang 20 meter dari hadapan rumah saya bertukar menjadi kolam air akibat limpahan longkang longkang berkenaan.

Banyak binatang berbisa

Seorang lagi penduduk, Valli Kannan, 65, berkata dia bimbang kerana hakisan tanah yang berlaku di laluan bersimen di belakang rumahnya semakin teruk selain mengundang kehadiran haiwan berbisa.

"Saya melarang cucu bermain di belakang rumah kerana khuatir lantai bersimen itu retak dan pecah kerana bahagian bawahnya yang sudah lompong akibat hakisan."

"Lubang yang terhasil itu juga

menjadi tempat persembunyian haiwan berbisa seperti ular dan biawak," katanya.

Menurut Valli, ada jiranannya yang berpindah kerana bimbang dengan keselamatan mereka selepas rumah dimasuki haiwan berkenaan. Penduduk, Yep Sow Fong, 69, pula berkata, mereka terpaksa membaiki sendiri kawasan hakisan itu biarpun pelbagai aduan dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan.

"Saya dan beberapa jiran terpaksa menampal sendiri kawasan hakisan berkenaan untuk mengelakkan kejadian buruk."

"Sejak dua minggu lalu, saya dapati hakisan tanah itu menyebabkan dua dari tiga tiang telefon sudah condong," katanya.